

29 JUN 2002

Dewan-Sultan (Bergambar)

SULTAN JOHOR UCAP TAHNIAH USAHA PM PULIH EKONOMI NEGARA

JOHOR BAHRU, 29 Jun (Bernama) -- Sultan Johor hari ini mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah dapat melaksanakan tugas dengan baik dan berjaya mengambil langkah-langkah dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

"Saya mengucapkan tahniah kepada yang amat berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang begitu cekap, berwibawa dan bertanggungjawab sehingga berjaya melaksanakan dengan berkesan langkah-langkah pemulihan ekonomi negara," titah baginda.

Sultan Johor bertitah demikian ketika merasmikan persidangan Dewan Undangan Negeri Johor penggal ke-empat di sini, hari ini.

Titah baginda, langkah-langkah yang diambil telah berjaya membawa pemulihan ekonomi dengan ekonomi negara dijangka tumbuh pada kadar 3.5 peratus pada tahun ini (2002) berbanding 0.4 peratus tahun lepas.

Sultan Johor bertitah, bahawa keyakinan pengguna dan masyarakat perniagaan bertambah semula bagi memperkukuhkan permintaan dalam negeri.

Kedudukan keseluruhan ekonomi dalam negeri bertambah teguh di bidang perkhidmatan yang telah meningkat kepada 4.6 peratus, manakala dalam bidang pembinaan bertambah sebanyak 2.9 peratus, titah baginda.

Titah baginda, kedudukan simpanan antarabangsa meningkat kepada RM124.5 bilion yang boleh membiayai enam bulan nilai dagangan masuk.

Baginda meminta agar rakyat di negeri ini supaya sedar dan bersyukur dengan perpaduan kaum yang ada di negara ini yang telah dapat menjamin kestabilan, kemakmuran negara sejak dulu hingga kini.

Pembangunan ekonomi memerlukan negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan damai, titah baginda

Baginda juga meminta supaya Kerajaan Negeri bertanggungjawab menentukan langkah-langkah pemulihan ekonomi dapat diteruskan di Johor dan berusaha supaya kadar pertumbuhan yang lebih tinggi dapat dicapai.

"Saya yakin kerajaan negeri dapat melaksanakan langkah-langkah pertumbuhan ekonomi dengan lebih menyeluruh, adil dan seimbang serta menambah daya pengeluaran dalam semua bidang," titah baginda.

Baginda juga turut meminta supaya Kerajaan Negeri menumpukan kepada usaha-usaha ke arah peningkatan teknologi tinggi, penanaman modal dan kemahiran tinggi dan kerajaan juga perlu terus mempelbagaikan sumber ekonomi negeri serta mengalakkan pengeluaran.

Dalam usaha Kerajaan Negeri menarik lebih ramai pelabur asing, titah baginda, keutamaan hendaklah diberikan bagi meningkatkan kemudahan awam termasuk menaiktarafkan lapangan terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai, membangunkan pusat bandar Johor Baharu, pembangunan laluan berkembar keretapi dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Sultan Johor juga bertitah supaya kerajaan negeri mengambil tindakan menegakkan keadilan dalam masyarakat selain terus melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan agama dan masyarakat ke arah membina ketahanan rakyat di negeri ini.

Terdahulu, keberangkatan baginda di Bangunan Sultan Ibrahim di sini disambut oleh Tengku Mahkota Johor Tunku Ibrahim, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Speaker Datuk Zainalabidin Mohamed Zin.

Baginda kemudian memeriksa perbarisan kehormat terdiri daripada anggota pasukan Timbalan Setia Negeri.

Dewan akan bersidang Isnin ini hingga 9 Julai depan.

-- BERNAMA

RAM PR